

NO SOALAN: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 2 APRIL 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci jumlah kos perbelanjaan jet rasmi Kerajaan 9M-NAA bermula tarikh 20 Disember 2014 sehingga 4 Januari 2015. Sila nyatakan perbelanjaan pesawat tersebut mengikut tarikh dari mana ke mana serta siapakah yang menyertai penerbangan tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Penumpang-penumpang yang menaiki Pesawat Eksekutif Kerajaan 9M-NAA pada tempoh tersebut merupakan mereka yang mempunyai kelayakan untuk menaikinya. Kos penerbangan yang digunakan sepanjang tempoh tersebut adalah berpatutan dan tidak melebihi kelayakan YAB Perdana Menteri.

Sekian. Terima kasih.